## UNIT PEPERIKSAAN
## KOLEJ YAYASAN SAAD, MELAKA

**UJIAN BULAN OGOS 2012**
**KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU**
**PERDAGANGAN DAN KEUSAHAWANAN (PILIHAN 4)**
**TINGKATAN 2**
**Kertas 1**
**1 Jam**

**79/1**
**SULIT**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan :**

1. Jawab **semua** soalan.

2. Tiap-tiap soalan mempunyai empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.

3. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan dahulu sehingga tanda yang tidak dikehendaki itu hilang dan hitamkan pilihan anda yang baru.

---

Kertas soalan ini mengandungi **19** halaman bercetak.

1 Rajah dibawah menunjukkan amalan 4M yang perlu dipatuhi semasa di bengkel.




Apakah X ?

| | | | |
|---|---|---|---|
| **A** | Menilai | **B** | Merekod |
| **C** | Mengurus | **D** | Merancang |

2 Susun mengikut urutan proses pengenalpastian masalah dalam reka cipta.

I Mengenalpasti masalah
II Menganalisis maklumat
III Mengumpul maklumat dan data
IV Menyenarai pelbagai idea penyelesaian masalah

**A** I, II, IV, III
**B** I, III, II, IV
**C** III, IV, II, I
**D** IV, I, II, III

3 Apakah tujuan menyediakan jadual kerja dalam proses pembinaan projek reka cipta?

**A** Menjimatkan kos overhed.
**B** Mengurangkan kos penggunaan bahan.
**C** Menjimatkan masa semasa membuat model.
**D** Memastikan projek disiapkan mengikut masa.

4 Berikut adalah maklumat tentang satu proses reka cipta.

| |
|---|
| * Pemerhatian<br>* Melayari internet<br>* Bimbingan guru<br>* Pembacaan dan penyelidikan |

Apakah proses itu?

A Pemilihan idea terbaik.
B Menganalisis maklumat.
C Pengenalpastian masalah.
D Mengumpul maklumat dan data.

5 Apakah yang dimaksudkan dengan prototaip dalam penghasilan produk reka cipta?

A Produk yang menunjukkan bentuk dan saiz luaran sesuatu rekaan.
B Produk yang dihasilkan secara besar-besaran mengikut saiz sebenar.
C Produk ulung yang dihasilkan dengan bahan dan saiz sebenar serta berfungsi.
D Produk yang dihasilkan dengan menggunakan bahan serta saiz yang sebenar.

6 Rajah dibawah menunjukkan mesin gerudi lantai.




Bahagian manakah berfungsi menurun dan menaikkan bindu?

A P
B Q
C R
D S

7 Rajah dibawah menunjukkan sejenis lampu.




Apakah komponen P?

A Perumah
B Pemegang tiub
C Suis penghidup
D Tiub pendarfluor

8 Apakah kegunaan utama pena ujian dalam kerja elektrik

A Sebagai pemutar skru
B Untuk menanggalkan fius.
C Untuk mengesan kebocor.an arus.
D Untuk menskru bongkah penyambung.

**9** Rajah dibawah menunjukkan bahagian tangki simbah.




Bahagian yang manakah mengawal aliran air ke tangki simbah?

**A** P
**B** Q
**C** R
**D** S

**10** Berikut adalah maklumat tentang satu alat dalam kerja perpaipan.

- Digunakan untuk memotong paip besi bergalvani (BG) dengan cepat dan tepat

Apakah alat itu ?

A 

B 

C 

D 

**11** Antara jenis mesin jahit yang berikut manakahyang menghasilkan pelbagai jenis mata jahitan , bentuk dan proses yang lebih rumit.

- **A** mesin jahit tangan
- **B** mesin jahit kaki
- **C** mesin jahit elektrik
- **D** mesin jahit elektronik

**12** Susun langkah-langkah meminyakkan mesin jahit dengan mengikut tertibnya

- I Letakkan sepotong kain di bawah penekan jahitan sebagai tadahan bagi menyerap minyak yang menitis.
- II Tuangkan minyak melalui lubang mesin pada kepala mesin.
- III Gerakkan mesin tanpa benang untuk beberapa ketika.
- IV Memberus bahagian mesin yang berhabuk.

- **A** I, II, III dan IV
- **B** II, III, I dan IV
- **C** III, II, I dan IV
- **D** IV, II, III dan I

**13** Susunkan langkah-langkah memasang benang bawah mengikut urutan yang betul

- I Pegang sekoci dan tarik penguncinya.
- II Masukkan gelendong ke dalam sekoci.
- III Tarik benang melaluialur sekoci dengan arah melawan jam.
- IV Masukkan ke dalam kes di bahagian bawah mesin dan lepaskan. pengunci sekoci

- **A** I, II, IV dan III
- **B** II, III,I dan IV
- **C** III, I, II dan IV
- **D** IV, II, III dan I

14 Pernyataan yang paling **tepat** tentang menu ialah

A satu senarai perancangan masakan.
B senarai hidangan yang lengkap untuk sesuatu sajian.
C senarai bahan dan alatan yang diperlukan ketika memasak.
D satu hidangan seimbang yang mengandungi kandungan nutrien yang mencukupi.

15 Apakah faktor penting dalam merancang menu?

I Umur
II Pendapatan
III Tujuan sajian
IV Kemudahan fizikal

A I dan II
B I dan II
C II dan III
D III dan IV

16 Apakah yang dimaksudkan dengan peranggu meja?

A Menyusun alatan untuk menghidang dengan betul.
B Menyiapkan meja makan dengan susun atur alatan yang betul dan lengkap.
C Menyediakan alatan dan bahan di atas meja kerja sebelum masak.
D Menyediakan gubahan bunga dan menu di atas meja makan.

17 Antara berikut yang manakah digunakan untuk membentuk kayu dalam proses penghasilan projek reka bentuk ?

I Kikir parut
II Tolok penanda
III Gandin kayu
IV Gergaji lengkung halus

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

**18** Manakah antara berikut, ***bukan*** sifat aluminium?

**A** Lembut
**B** Berkarat
**C** Ringan
**D** Mudah dibentuk

**19** Berapakah sudut mata penebuk pusat?

**A** 30°
**B** 45°
**C** 60°
**D** 75°

**20** Antara berikut yang manakah paling sesuai digunakan untuk menanda garisan selari dengan tepi kayu ?

**A**



**B**



**C**



**D**



**21** Rajah dibawah menunjukkan satu komponen elektronik



Apakah fungsi komponen itu ?

**A** Mengawal pengaliran arus
**B** Meninggikan pengaliran arus
**C** Menghadkan pengaliran arus
**D** Menstabilkan pengaliran arus

**22** Rajah dibawah menunjukkan simbol komponen elektronik




Antara komponen itu yang manakah komponen aktif ?

**A** P dan Q
**B** P dan S
**C** Q dan R
**D** R dan S

**23** Rajah dibawah menunjukkan satu komponen elektronik.



Apakah fungsi komponen itu ?

**A** Membekalkan arus elektrik dalam litar.
**B** Menyimpan dan membuang cas elektrik.
**C** Mengurangkan arus yang mengalir dalam litar.
**D** Membenarkan arus elektrik mengalir satu arah sahaja

**24** Berikut adalah maklumat tentang sejenis garisan dalam lukisan teknik.

- Bentuk garisan, hitam dan tebal
- Menggunakan pensel gred HB

Apakah jenis garisan itu ?

**I** Garisan objek
**II** Garisan binaan
**III** Garisan sempadan
**IV** Garisan tersembunyi

**A** I dan III
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**25** Rajah dibawah menunjukkan sebuah bongkah.



Pilih pelan dan pandangan hadapan yang betul bagi bongkah itu .

**A**



**B**



**C**



**D**



**26** Rajah dibawah menunjukkan lukisan unjuran ortografik bagi satu bongkah.



Antara berikut yang manakah menunjukkan lukisan isometri bagi bongkah itu?

**A**



**B**



**C**



**D**



27 Antara berikut yang manakah **bukan** tujuan melakukan penggemburan terhadap tumbuhan hiasan ?

A Melonggarkan medium yang telah menjadi keras.
B Membantu memudahkan pengaliran air dan pengudaraan tanah .
C Memudahkan akar menembusi tanah .
D Membantu menambahkan medium dan nutrien.

28 Apakah tujuan pemasuan semula dilakukan?

A Untuk menggantikan pokok yang baru
B Untuk menukarkan pasu yang lebih mahal
C Untuk menggantikan medium yang kurang subur
D Untuk menukarkan pasu tanah liat kepada pasu seramik

29 Berikut adalah ciri-ciri tanaman hiasan yang perlu dipasu semula

I tumbesaran pokok terbantut
II medium didalam pasu kelihatan padat
III akar pokok kelihatan keluar dari dasar pasu
IV air siraman meresap ke dalam medium dan keluar dari dasar pasu

A I dan II
B I, II dan III
C I, II dan IV
D I, II, III dan IV

30 Susun semula langkah-langkah memasu semula tanaman hiasan.

I Pilih pasu yang sesuai.
II Siram semula dan letak di tempat yang teduh.
III Masukkan medium memasu sehingga 1/3 memenuhi ruang pasu.
IV Masukkan pokok bersama medium lama, tambahkan medium sehingga 2.5 cm dari permukaan pasu.
V Keluarkan pokok dari pasu asal, pangkaskan dahan dan ranting,buang akar yang tidak diperlukan

A I, II, III, V dan IV
B I, II, III, IV dan V
C I, IV, V, III dan II
D I, V, IV, III dan II

**31** Seseorang yang ingin memulakan perniagaan kecil perlu mengkaji tentang

I jenis perniagaan.
II pasaran sedia ada.
III penentuan pampasan.
IV cara menghapuskan pesaing.

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**32** Kelemahan sistem barter ialah

I tidak mudah menentukan kadar pertukaran.
II perlu membawa wang tunai yang banyak.
III perlu wujud kemahuan serentak.
IV perlu mempunyai wang syiling.

**A** I sahaja
**B** I dan II sahaja
**C** I dan III sahaja
**D** II dan IV sahaja

**33** Apabila membenarkan pelanggan menggunakan kad kredit semasa membeli barangan, ini akan menyebabkan perkara berikut, **kecuali**

**A** peniaga dapat meningkatkan kuantiti jualan barangan.
**B** peniaga akan menghadapi masalah hutang lapuk.
**C** pelanggan diperlukan untuk menandatangani baucer belian.
**D** pelanggan tidak perlu membawa tunai yang banyak.

**34** Antara perniagaan berikut, yang manakah telah mengamalkan prinsip asas etika amalan perniagaan?

**A** Syarikat CT telah menyebarkan pernyataan yang tidak jujur.
**B** Syarikat EG tidak membenarkan pengguna menukar barangan yang telah rosak.
**C** Syarikat KZ telah mengancam pesaingnya dengan merosakkan dan membakar gudang pesaingnya.
**D** Syarikat RZ telah menyediakan maklumat yang lengkap pada keluarannya tentang ramuan, tarikh luput, dan sebagainya.

**35** Antara berikut, yang manakah perlu dicatat di dalam borang pesanan belian barang-barang?

I Nombor kod
II Kuantiti barang yang di-pesan
III Nama dan alamat pemesan
IV Tarikh dan nombor pesanan

**A** I, II, dan III
**B** I, III, dan IV
**C** II, III, dan IV
**D** I, II, III, dan IV




**36** Syarat bayaran bagi satu pembelian dikenakan seperti di atas.
Syarat bayaran ini dikenali sebagai

**A** diskaun bayaran.
**B** diskaun tunai.
**C** diskaun bersih.
**D** syarat serahan.

**37** Apakah dokumen penting dalam urus niaga kredit?

**A** Sebut harga
**B** Nota serahan
**C** Senarai harga
**D** Invois

**38** Harga jualan bagi seunit barang boleh ditentukan dengan menjumlahkan

**A** kos seunit projek dan untung setiap unit.
**B** kos projek dan untung setiap unit.
**C** kos seunit projek dan rugi bersih.
**D** kos projek dan rugi bersih.

**39** Apakah jenis-jenis kos yang terlibat dalam kos pengeluaran?

I Kos pindahan
II Kos upah
III Kos bahan mentah
IV Kos sampingan

**A** I dan IV
**B** II dan IV
**C** I, II dan III
**D** II, III dan IV

**40** Antara berikut, yang manakah perniagaan runcit besar-besaran?

I Pasar raya.
II Kedai runcit.
III Kedai tunggal
IV Kedai serbaneka.

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**41** Apakah bentuk kemudahan yang selalunya disediakan oleh pemilik perniagaan runcit besar-besaran?

**A** Berhawa dingin, eskalator, dan troli
**B** Panggung wayang, hawa dingin, dan lif
**C** Memberi layanan secara peribadi
**D** Membenarkan kredit kepada pelanggan tetap

**42** Usahawan dapat meningkatkan hasil negara

**A** melalui bayaran cukai kepada kerajaan
**B** dengan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan.
**C** dengan cara mengubah suai barangan dalam Negara.
**D** melalui penjualan barangan kepada kerajaan.

43 Apakah tujuan Lembaga Kemajuan Perindustrian dan Perkhidmatan Malaysia ditubuhkan?

A Membangunkan ekonomi negara selaras dengan matlamat dasar kerajaan
B Memajukan dan menyelaraskan segala aktiviti pembangunan perindustrian di Malaysia
C Mengelola rancangan penyelidikan dan khidmat runding keusahawanan
D Memastikan barang keluaran tempatan bermutu tinggi dan mendapat pasaran meluas

**ARAB MALAYSIAN MERCHANT BANK BERHAD**

44 Antara yang berikut, manakah yang merupakan fungsi bank di atas?

I Membantu menerbitkan syer atau debenture.
II Membantu dalam pencantuman dan pengambilalihan syarikat berhad.
III Mengurus pelaburan syarikat.
IV Menyediakan perkhidmatan yang pelbagai kepada orang ramai.

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D I, II, III dan IV

45 Apakah prinsip yang diamalkan dalam insurans secara Islam?

A Riba
B Al-Maisir
C Al-gharar
D Al-Mudharabah

46 Bayaran serta-merta dengan wang tunai, cek atau kad kredit disebut

A urus niaga kredit.
B urus niaga tunai.
C urus niaga cek.
D urus niaga debit.

47 Antara berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan bagi seseorang peniaga?

I Bayar sewa
II Baiki pejabat
III Jualan
IV Bil air

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Akaun Perabot

| | | |
|---|---|---|
| Modal | RM 3 000 | |
| **X** | RM 1 500 | |

48 Antara yang berikut, manakah yang mungkin sekali bagi **X** ?

A Syarikat Perabot membile 100 unit perabot.
B Kedai buku membeli almari dan rak pameran.
C Syarikat Telekomunikasi menjual 20 unit telefon bimbit.
D Syarikat Lampu menjual 100 unit lampu meja bacaan.

49 Urus niaga bagi bulan Julai 2012 adalah seperti berikut:

| Tarikh | | Butir | RM |
|---|---|---|---|
| Julai | 1 | Baki di tangan | 400.00 |
| | | Baki di bank | 1000.00 |
| | 5 | Beli perabot dengan cek | 300.00 |
| | 16 | Jualan tunai dan dibankkan | 200.00 |
| | 27 | Bayar sewa tunai | 120.00 |

Berdasarkan maklumat di atas, berapakah baki di bank pada akhir Oktober?

A RM500.00
B RM700.00
C RM900.00
D. RM1200.00

Dt Akaun Belian Kt

| Butiran | Jumlah | Butiran | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Syarikat Izati | 3000 | | |

Dt Syarikat Izati Kt

| Butiran | Jumlah | Butiran | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | | Belian | 3000 |

**50** Petikan di atas ialah rekod urus niaga Pasar Mini Alya yang menunjukkan Pasar Mini Alya telah

**A** membeli barang bernilai RM3000 daripada Syarikat Izati secara tunai.
**B** membeli barang bernilai RM3000 daripada Syarikat Izati secara kredit.
**C** menjual barang bermlai RM3000 kepada Syarikat Izati secara tunai.
**D** menjual barang bernilai RM3000 kepada Syarikat Izati secara

**KERTAS SOALAN TAMAT**

***Disediakan dan disemak oleh*** :

***Pn. Rozilayati bt Zainudin*** : ........................................

***En. Mohd Fadzli bin Talib*** : ........................................